

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]****SOALAN NO. 243**

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan butiran lot tanah 54265, 54268, 54269, 54270 dan 54267 bersama HS(D)119633 PT9331 yang disabitkan dengan Taman Awam Berskala Besar Bukit Kiara seperti nombor hakmilik terkini, keluasan dalam meter persegi dan nombor pelan ukur (jika ada), nama pemilik berdaftar dan tarikh hakmilik didaftarkan, nama pemajak/tempoh pajakan (jika ada), Syarat Nyata (jika ada) dan nombor/tarikh Warta Kerajaan yang masih berkuatkuasa (jika ada).

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, lot-lot tanah yang akan terlibat dengan pewartaan sebagai Taman Awam Berskala Besar di Bukit Kiara adalah seperti berikut :

Bil.	Maklumat Tanah (Lot terlibat)	Keluasan (Ekar)
1.	Lot 54265	3.88
2.	Lot 54268	100.15
3.	Lot 480589 (Cantuman Lot 54267, Lot 54269 dan Lot 54270)	296.77
4.	PT9331 (HS(D)119633)	22.40
	JUMLAH	423.00

NO. SOALAN : 243

Jumlah keluasan sebenarnya adalah seluas 423 ekar dan bukan 370 ekar. Sebelum diwartakan, lot-lot tanah ini akan dicantumkan menjadi satu lot. Tiada syarat nyata dikenakan memandangkan tanah ini adalah merupakan tanah yang diwartakan sebagai taman awam. Syarat nyata hanya dikenakan kepada tanah-tanah hakmilik.

Sebahagian daripada tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) ini diberi pajakan kepada Measat Digicast dan akan dibatalkan pajakannya sebelum tanah ini diwartakan. Measat Digicast akan diberikan tanah lain sebagai gantian.